

Filipina - Singapura perlu selesaikan krisis — PM

KUALA LUMPUR 28 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin ketegangan hubungan diplomatik antara Filipina dan Singapura tidak akan menjejaskan kerjasama yang terjalin di kalangan anggota ASEAN.

Schubungan dengan itu, beliau menyeru supaya kedua-dua negara berkenaan menyelesaikan krisis yang berlarutan sejak seminggu lalu menerusi semangat kesetiakawanan ASEAN.

Menurut beliau, perkembangan tersebut tidak seharusnya dibiarkan berlanjutan demi kepentingan negara-negara terbabit dan juga anggota badan rantau Asia Tenggara itu.

“Saya fikir, dalam semangat ASEAN, kita mesti cuba menyelesaikan isu ini.

“Mereka (Filipina dan Singapura) seharusnya melihat persoalan yang dibangkitkan dan memikirkan apa yang boleh dilakukan,” kata beliau selepas menyaksikan majlis memeterai Kenyataan Wawasan Untuk Masyarakat Telekomunikasi Asia Tenggara (SEATEL) di sini, hari ini.

Renggang

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas hubungan antara Manila dan Singapura yang semakin renggang ekoran kemarahan rakyat Filipina se-

lepas seorang pembantu rumah negara berkenaan digantung di Singapura atas kesalahan membunuh dua orang.

Kematian pembantu rumah berkenaan, Flor Contemplacion mencetuskan kemarahan rakyat Filipina dan ia memuncak dengan upacara pengubumiannya pada Ahad lalu.

Hukuman gantung tersebut juga telah menyebabkan Pejabat Penerbangan Singapura di Manila dih bom pada Ahad lalu manakala Presiden Fidel Ramos pula mengarahkan rakyat yang bekerja sebagai pembantu rumah di Singapura pulang ke tanah air.

Perdana Menteri berkata, hubungan yang dingin

antara Filipina dan Singapura jika dibiarkan berterusan akan menjajaskan hubungan dengan negara-negara lain.

Ketika ditanya sama

ada Malaysia akan menjadi pihak tengah untuk menyelesaikan isu berkenaan, Dr. Mahathir memberitahu, setakat ini kerajaan masih belum menda-

pat sebarang permohonan untuk berbuat demikian.

“Kita tidak diundang, tetapi ASEAN mempunyai cara tersendiri,” katanya.